

PUSAT PERLINDUNGAN WANITA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR



LATARBELAKANG

- Pusat Perlindungan Wanita (PPW), Majlis Agama Islam Negeri Johor telah dibina dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta di bawah Rancangan Malaysia ke- 9 oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR).
- Pusat perlindungan ini terdiri daripada dua bangunan iaitu bangunan pentadbiran dan bangunan dewan telah dibina di atas tapak wakaf MAINJ di Lot 26019, Jalan Camar 4, Taman Perling, 80350 Johor Bahru, Johor dan telah siap sepenuhnya, seterusnya diserahkan kepada MAINJ pada 7 Februari 2011.
- Melalui surat Bil (18) dlm.MAIJ(WKF)J7/14/1 Jld 5 bertarikh 1 Mac 2011, MAINJ telah menyerahkan tanggungjawab mengurus dan mentadbir bangunan PPW kepada Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Johor.
- Seterusnya, melalui surat Bil (55) dlm.JAJ/PK/04/19 bertarikh 22 Ogos 2011, Bahagian Pembangunan Keluarga telah menyerah semula tanggungjawab mengurus dan mentadbir bangunan PPW kepada MAINJ yang kemudiannya diletakkan di bawah Pentadbiran Wakaf.

TUJUAN

- Pusat Perlindungan Wanita (PPW) ini ditubuhkan sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita yang terlibat dengan gejala sosial, penderaan dan mengandung tanpa nikah.
- PPW juga menyediakan khidmat didikan agama dan bimbingan kerohanian kepada mereka untuk kembali ke pangkal jalan.
- Pusat ini turut menyediakan aktiviti kemahiran sebagai persediaan selepas tamat tempoh menghuni di PPW.